



**GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN
JANGKITAN COVID-19 BAGI
PELAKSANAAN PROGRAM
DISABILITY EQUALITY TRAINING
(DET)**

ISI KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	3
2.	PELAKSANAAN PROGRAM DET SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)	3
	2.1 Sebelum Pelaksanaan Program	3
	2.2 Semasa Pelaksanaan Program	4
	2.3 Selepas Pelaksanaan Program	4
3.	PELAKSANAAN PROGRAM DET LUAR TALIAN (BERSEMUKA)	5
	3.1 Sebelum Pelaksanaan Program	5
	3.2 Semasa Pelaksanaan Program	6
	3.3 Selepas Pelaksanaan Program	7
4.	LAMPIRAN	8

1. PENGENALAN

Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan Covid-19 ini adalah sebagai rujukan yang perlu diambil perhatian oleh pihak penganjur dalam mengambil langkah berwaspada untuk membendung penyakit Covid-19 bagi pelaksanaan Program *Disability Equality Training* (DET). Penggunaan garis panduan ini hendaklah terpakai bersama-sama dengan arahan kerajaan dan peraturan-peraturan kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa.

2. PELAKSANAAN PROGRAM DET SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)

Langkah-langkah berikut perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh penganjur.

2.1 Sebelum pelaksanaan Program

- 2.1.1 Menentukan aplikasi atas talian yang akan digunakan dalam pelaksanaan program DET sama ada *facebook live streaming* atau *zoom* atau *cisco webex meeting* atau *google meet* atau *Microsoft team* atau *skype* atau *google hangouts* atau apa-apa aplikasi sidang video yang difikirkan sesuai;
- 2.1.2 Menetapkan bilangan peserta yang boleh mengikuti program DET berdasarkan had maksimum sesuatu aplikasi yang akan digunakan. Umpanya aplikasi *zoom* maksimum 100 orang, *cisco webex meeting* maksimum 250 orang, *google meet* maksimum 250 orang, *google hangouts* maksimum 25 orang dan *skype* maksimum 32 orang;
- 2.1.3 Membuat hebahan mengenai penganjuran program DET melalui e-mel, *facebook* dan media sosial lain kepada masyarakat umum atau kumpulan sasar tertentu dengan menyatakan tajuk, tarikh dan masa program; dan

2.1.4 Memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh sesiapa yang berminat untuk mengikuti program DET seperti *like page facebook* berkaitan atau mendaftar akaun pada aplikasi yang akan digunakan.

2.2 Semasa Pelaksanaan Program

2.2.1 Mengarahkan para peserta menulis kehadiran di ruangan yang disediakan dalam aplikasi yang digunakan. Sekiranya aplikasi berkenaan tidak menyediakan ruangan tersebut, pihak penganjur perlu merekodkan senarai kehadiran peserta yang terlibat;

2.2.2 Semasa sesi berlangsung, komunikasi antara penceramah dengan para peserta boleh dilakukan sama ada secara lisan atau tulisan; dan

2.2.3 Sebelum program berakhir, mohon kerjasama para peserta untuk mengisi Borang Penilaian Program yang dilampirkan dalam *page* aplikasi berkenaan. Bagi aplikasi yang tidak menyediakan perkhidmatan untuk memuat naik borang, penganjur perlu menyediakan *link* yang boleh diakses oleh peserta untuk mengisi borang tersebut.

2.3 Selepas Pelaksanaan Program

2.3.1 Membuat analisa terhadap maklum balas peserta yang terlibat dalam program DET berdasarkan Borang Penilaian Program; dan

2.3.2 Menyediakan laporan pelaksanaan program DET.

3. PELAKSANAAN PROGRAM DET SECARA LUAR TALIAN (BERSEMUKA)

Langkah-langkah berikut adalah berasaskan kebiasaan baharu dan perlu diberi perhatian serta diambil tindakan oleh penganjur dalam melaksanakan program DET.

3.1 Sebelum Pelaksanaan Program

- 3.1.1 Lakukan-langkah pembersihan dan disinfeksi (nyahkuman) secara menyeluruh di dalam dan di luar kawasan premis sebelum melaksanakan sebarang program DET;
- 3.1.2 Pastikan premis berada dalam keadaan yang selamat dan bersih untuk penceramah, fasilitator serta para peserta;
- 3.1.3 Akuan pengisytiharan kesihatan hendaklah dibuat oleh peserta, penceramah, fasilitator dan pihak urus setia penganjur. Borang akuan pengisytiharan kesihatan hendaklah diisi seminggu sebelum DET dilaksanakan (Lampiran 1);
- 3.1.4 Kegagalan pengisytiharan maklumat dengan benar boleh menyebabkan peserta atau penceramah atau fasilitator tersebut tidak dibenarkan menghadiri program DET;
- 3.1.5 Penceramah, fasilitator dan peserta harus segera memaklumkan pihak urus setia sekiranya mereka pernah berkontak rapat dengan pesakit Covid-19;
- 3.1.6 Membuat susun atur tempat duduk penceramah, fasilitator dan para peserta dengan penjarakan sosial yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain. Pelabelan jarak boleh dibuat di lantai

atau kedudukan kerusi dan meja di dalam ruang premis yang digunakan;

- 3.1.7 Menetapkan bilangan kehadiran peserta adalah antara 8-10 orang dalam satu-satu masa atau mengikut kapasiti ruang premis dengan mengambil kira penjarakan social yang selamat. (rujuk SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta, oleh Majlis Keselamatan Negara); dan
- 3.1.8 Pastikan barangan / perabot yang tidak digunakan di ruang premis berkenaan disimpan, diketepikan dan ditutup rapi bagi mengurangkan sentuhan tidak sengaja dan mengurangkan risiko pencemaran.
- 3.1.9 Penganjur digalakkan untuk mendaftar aplikasi MySejahtera (<http://mysejahtera.malaysia.gov.my/ckin>) bagi mendapatkan kod QR MySejahtera Check-In dan mempamerkan kod QR tersebut di pintu masuk premis.

3.2 Semasa pelaksanaan program

- 3.2.1 Kehadiran setiap peserta, penceramah, fasilitator serta urus setia perlu direkodkan. Penggunaan aplikasi MySejahtera digalakkan bagi tujuan merekod kehadiran setiap hari. Peserta perlu memuat turun aplikasi MySejahtera, mengimbas kod QR MySejahtera Check-In yang dipamerkan di pintu masuk, sebelum masuk ke premis;
- 3.2.2 Pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan ke atas setiap peserta, penceramah, fasilitator dan urus setia pada setiap hari sebelum masuk ke premis untuk mengikuti program DET. Gunakan “termometer tanpa kontak” seperti alat pengimbas suhu digital dan termometer *infrared*.

- 3.2.3 Tidak membenarkan individu masuk ke premis bagi mengikuti program DET sekiranya bergejala seperti demam (suhu badan melebihi 37.5°C), selesema, batuk, sakit tekak, dan kesukaran bernafas.
- 3.2.4 Elakkan bersalaman atau bersentuhan dengan orang lain;
- 3.2.6 Meninimumkan aktiviti perbincangan dalam kumpulan (participation) terutama yang memerlukan para peserta berada berdekatan sesama mereka. Aktiviti yang dilaksanakan lebih kepada bimbingan (facilitation) melalui paparan *slaid* dan tayangan video;
- 3.2.7 Tidak berkongsi peralatan yang digunakan seperti pembesar suara, alat tulis dan lain-lain. Peserta boleh mengemukakan sebarang pertanyaan atau pandangan tanpa menggunakan pembesar suara. Dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan, peralatan yang telah digunakan hendaklah didisinfeksi sebelum digunakan oleh OKU lain;
- 3.2.8 Tiada aktiviti simulasi bagi sesi *Disability Related Service Training* (DRST). Penyampaian lebih tertumpu kepada demonstrasi kaedah membantu OKU melalui paparan *slaid* atau tayangan video; dan
- 3.2.9 Sentiasa mengikuti saranan KKM mengenai kepentingan mengamalkan prinsip 3W, iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*) dan amaran dari KKL yang lebih berkonsep peringatan (*warn*) termasuk mengamalkan penjarakan social. OKU juga hendaklah mengelakkan 3S atau 3C iaitu jauhi kawasan yang sesak (*crowded place*), elak kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*) bagi mencegah jangkitan COVID-19

3.3 Selepas Pelaksanaan Program

- 3.3.1 Sanitasi dan disinfeksi setiap kawasan (contoh bilik kuliah/seminar, tandas, dan ruangan am) yang digunakan, dengan memfokuskan permukaan yang sering disentuh seperti tombol pintu dan kerusi meja; dan
- 3.3.2 Sekiranya permukaan kotor, ia harus dibersihkan dengan menggunakan bahan pencuci atau air sabun sebelum disinfeksi.

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Kerjaya

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

LAMPIRAN 1

Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Penceramah/Fasilitator/Peserta/Urus Setia

AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN BAGI PENCERAMAH/FASILITATOR/PESERTA/URUS SETIA	
Nama:	
No. K/P:	Bangsa:
Alamat Tempat Tinggal:	
No. Tel (HP):	Email:
Alamat Kampung Ibu/Bapa:	
No Tel Ibu/Bapa:	No. Tel Rumah:
Jika balik kampung, bagaimana anda balik ke tempat kerja? *Tanda (/) untuk “Ya” () Kenderaan sendiri () Tumpang kawan/ keluarga lain () Kenderaan awam () Lain-lain, nyatakan:	
Tahap Kesihatan: Dalam tempoh 14 hari lepas *Tanda (/) untuk “Ya” () Demam () Sesak Nafas () Batuk () Selsema () Sakit Tekak () Lain-lain, nyatakan:	
Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama anda semasa tempoh PKP? Nyatakan.	
Sejarah perjalanan dalam tempoh 14 hari lepas. Adakah anda pernah pergi ke: () Luar negara. Jika ya nyataan: () Melawat hospital atau orang sakit () Menghadiri perhimpunan ramai () Menghadiri majlis keagamaan () Menghadiri majlis keramaian	
Tanda (/) untuk “Ya”	
Adakah anda dan keluarga anda ada berkontak rapat dengan pesakit COVID-19, atau disyaki? Ya/tidak	
Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar,tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang.Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Akuan ini dibuatoleh: No. K/P:	
Tandatangan:	Tarikh: